

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

(Ministry of Local Government Development)
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5051

Faks : +(6)03 - 8891 5547

Ruj. Kami : KPKT.800-3/1/25 Jld. 9 (62)

Tarikh : 8 Disember 2022

SEGERA DENGAN FAKS/ EMEL**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN PERMOHONAN BAHARU PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR BAGI TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12), Kerajaan akan terus menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat secara inklusif melalui strategi memperbaiki kualiti hidup miskin bandar dengan menambah baik keadaan tempat tinggal penduduk miskin bandar. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneruskan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) melalui pelaksanaan Program Bina Baharu Rumah di Bandar bagi tahun 2023 yang bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman selesa dan selamat kepada golongan miskin bandar yang layak.

3. Sehubungan itu, sukacita pihak KPKT ingin memohon YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan permohonan baharu cadangan bina baharu rumah bagi pertimbangan Kementerian ini selanjutnya. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan permohonan yang lengkap kepada Kementerian ini selewat-lewatnya pada atau sebelum **31 Januari 2023**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Bil.	Nama	No. Tel / Emel
a.	Cik Shanta Kumari Ramdass	03-8891 4435 shanta@kpkt.gov.my
b.	Puan Nor Haslinda binti Abd Razak	03-8891 4795 / haslindarazak@kpkt.gov.my
c.	Puan Muneera binti Mustafa	03-8891 4793 / muneera@kpkt.gov.my

...2/-




4. Sukacita juga bersama-sama ini disertakan ringkasan maklumat dan salinan borang permohonan bagi program ini untuk perhatian YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan jua. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD YUSRI BIN HASHIM)

Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

☎ : 03-8891 5051

✉ : mohamadyusri@kpkt.gov.my

s.k.:

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Datuk TKSU(RK)



BORANG PERMOHONAN PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR

BAHAGIAN A – MAKLUMAT ASAS KETUA ISI RUMAH (KIR)

1. Nama :
(seperti dalam kad pengenalan)

2. No. Kad Pengenalan Baru :

3. Umur: _____ Tahun

4. Alamat Rumah:

Poskod: Bandar:

5. Negeri:

6. No. Telefon Bimbit:

Sila tandakan (√) di petak berkenaan

7. Jantina Lelaki Wanita

8. Bangsa Melayu Cina India Lain-lain _____

9. Taraf Perkahwinan Bujang Bekahwin Janda Duda

10. Pekerjaan

11. Pendapatan Bulanan (RM)

12. Nama Pasangan

13. No. Kad Pengenalan Pasangan

14. Pekerjaan Pasangan

15. Pendapatan Pasangan (RM)

16. Bil ahli isi rumah (AIR)

17. Bil. AIR melebihi umur 60 tahun

BAHAGIAN B: PERAKUAN PERMOHONAN (DIISI OLEH PERMOHON)

Saya..... No. KP..... dengan ini mengaku bahawa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan ini adalah benar. Saya juga faham sekiranya terbukti maklumat yang dinyatakan tidak benar, pihak Kerajaan berhak mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas saya.

(.....)

Tandatangan

Tarikh:

BAHAGIAN C: SEMAKAN OLEH PBT

1. Tarikh Permohonan diterima

2. Negeri:

3. PBT:

4. Kesiediaan Tapak

Ya

Tidak

BAHAGIAN D: DOKUMEN SOKONGAN (DISAHKAN OLEH PBT)

Dokumen-dokumen berikut perlu disertakan/disahkan bersama-sama dengan Borang Permohonan ini.

- a) Salinan Kad Pengenalan Ketua Isi Rumah (KIR) & Ahli Isi Rumah (AIR)
- b) Salinan Geran Tanah
- c) Kebanaran menumpang tanah (jika berkaitan) - Borang PPKB 4b disertakan.
- d) Gambar rumah sedia ada
- e) Gambar tapak pembinaan rumah (sekiranya bukan di lokasi sedia ada)
- f) Minit Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri/ Daerah (jika KIR/ AIR tidak berdaftar dalam Sistem eKasih)

Sila tandakan (/)

BAHAGIAN E: PENGESAHAN PBT

Permohonan : Diperakukan / Tidak diperakukan

Nama Penyelia :

Jawatan :

Tandatangan :

_____ Cop Jabatan :

Tarikh :



**BORANG KEBENARAN MENGGUNAKAN TANAH MILIK BAGI MELAKSANAKAN
PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR**

KEBENARAN INI telah diberikan pada haribulan tahun
 oleh
 No. K/P: (selepas ini disebut "Pemilik") sebagai satu pihak
 kepada
 No. K/P: (selepas ini disebut "Peserta") sebagai pihak yang satu
 lagi melibatkan tanah Lot Tempat
 Daerah
 Negeri (selepas ini disebut "Tanah").

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

- i. Pemilik dengan ini memberi kebenaran kepada Agensi atau Badan atau Persatuan atau Jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah di bawah Program Bina Baharu Rumah di Bandar di atas Tanah tersebut (sesalinan Geran Tanah disertakan);
- ii. Pemilik dengan ini memberi kebenaran kepada Peserta untuk menduduki rumah di bawah Program Bina Baharu Rumah di Bandar setelah siap pembinaannya di atas Tanah tersebut.
- iii. Kebenaran dan persefahaman ini adalah berkekalan sepanjang tempoh seperti tertulis di atas dan tidak boleh dibatalkan tanpa persetujuan kedua-dua pihak;
- iv. Pemilik berharap waris, penerima pusaka, pentadbir dan waris Pemilik juga perlu menghormati kebenaran ini; dan
- v. Peserta hendaklah dalam tempoh menduduki rumah tersebut tidak melakukan apa-apa jua bentuk penambahan kepada rumah asal di bawah Program Bina Baharu Rumah di Bandar kecuali dengan kebenaran Pemilik.

PADA MENYAKSIKAN KEBENARAN INI DIBERIKAN pihak-pihak terlibat telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari, bulan dan tahun yang mula-mula ditulis di atas.

Ditandatangani oleh Pemilik

)

.....

)

No. K/P:

Pada hari bulan tahun

)

(tandatangan)

Ditandatangani oleh Peserta

)

.....

)

No. K/P:

Pada hari bulan tahun

)

(tandatangan)

Disaksikan oleh:

)

.....

Nama Saksi:

)

No. K/P:

.....

(tandatangan dan cop rasmi)

Saksi – Datuk Bandar/ Yang Dipertua PBT/ Setiausaha PBT/ Pegawai Daerah/ Pentadbir Tanah Daerah



PROSEDUR OPERASI STANDARD

PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR

Bahagian Kesejahteraan Komuniti, KPKT

SENARAI KANDUNGAN

PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR	3
1.0 Matlamat	3
2.0 Kriteria Kelayakan	3
3.0 Jenis Rumah Yang Dibenarkan	4
4.0 Tanggungjawab Ketua Isi Rumah (KIR)/ Ahli Isi Rumah (AIR)	4
5.0 Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	4
6.0 Kadar Bantuan	6
7.0 Reka Bentuk dan Spesifikasi Rumah	7
8.0 Kaedah Pelaksanaan	8
9.0 Kaedah Penyaluran Peruntukan	9
10.0 Tanggungjawab PBT Selepas Menerima Surat Kelulusan Daripada KPKT	9
11.0 Pemantauan dan Pelaporan	10

PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR

1.0 Matlamat

Menyediakan tempat kediaman yang selesa dan selamat bagi golongan B40 di kawasan bandar.

2.0 Kriteria Kelayakan

Ketua Isi Rumah (KIR)/ Ahli Isi Rumah (AIR) yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- a) KIR/ AIR adalah **Warganegara Malaysia** sahaja;
- b) KIR/ AIR yang menetap/ disahkan di **kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**;
- c) KIR/ AIR yang **disahkan status kemiskinan dalam Sistem eKasih** sama ada miskin tegar/ miskin/ terkeluar (kumpulan B40) sahaja;
- d) Bagi yang tidak berdaftar dalam Sistem eKasih, KIR/ AIR hendaklah **disahkan dalam Mesyuarat Focus Group** Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah;
- e) Rumah KIR/ AIR di bandar yang benar-benar memerlukan bantuan bina baharu rumah akibat **kerusakan teruk/ musibah seperti kebakaran dan banjir yang melanda tempat kediaman mereka**;
- f) Memiliki tanah kosong atas nama sendiri untuk dibina rumah; dan
- g) Jika tidak memiliki tanah sendiri, KIR/ AIR perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan tanah/ waris berkenaan untuk membina rumah atas tanah/ tapak yang dikenal pasti.

3.0 Jenis Rumah Yang Dibenarkan

- a) Program Bina Baharu Rumah di Bandar hanya diluluskan untuk rumah sesebuah (*landed property* sahaja). Rumah teres, berkembar dan rumah berstrata **tidak** dibenarkan.

4.0 Tanggungjawab Ketua Isi Rumah (KIR)/ Ahli Isi Rumah (AIR)

Mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- a) Borang Permohonan Program Bina Baharu Rumah di Bandar (PPKB 4a);
- b) Satu salinan kad pengenalan KIR/ AIR yang disahkan oleh PBT; dan
- c) Satu salinan geran/ carian rasmi di Pejabat Daerah dan Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian (PTG) atau surat kebenaran daripada tuan tanah/ penama/ waris dalam geran dan borang PPKB 4b.

5.0 Tanggungjawab Agensi Pelaksana

5.1 Mengemukakan permohonan KIR/ AIR kepada KPKT dengan memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- a) Memastikan Borang PPKB 4a lengkap diisi oleh KIR/ AIR;
- b) Mengesahkan status kemiskinan KIR/ AIR dalam Sistem eKasih;
- c) Bagi yang tidak berdaftar dalam Sistem eKasih, KIR/ AIR hendaklah disahkan dalam Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah. Salinan lengkap Minit Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah yang disahkan hendaklah disertakan;

- d) Memastikan KIR/ AIR yang telah disahkan di dalam Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah didaftarkan dalam sistem eKasih dengan **kadar segera untuk mengelakkan pertindihan penerimaan projek yang sama**;
- e) **Mengadakan lawatan tapak** untuk mengesahkan status kemiskinan KIR dan keadaan fizikal rumah (termasuk kos pembaikan supaya tidak melebihi kos siling projek) dengan memberi keutamaan kepada;
- i. KIR/ AIR yang mempunyai isi rumah melebihi 5 orang;
 - ii. Terdapat ahli isi rumah berstatus warga emas dan OKU;
 - iii. KIR/ AIR belum pernah menerima bantuan perumahan daripada mana-mana agensi Kerajaan; dan
 - iv. KIR/ AIR yang ditimpa musibah seperti rumah terbakar/ banjir/ ribut dan tanah runtuh.
- f) Mengemukakan gambar terkini yang menunjukkan keadaan rumah yang didiami rosak, usang atau daif;
- g) Mengesahkan tapak/ lokasi rumah yang bakal dibina dengan mengemukakan gambar tapak yang dicadangkan (sekiranya melibatkan lokasi baru dalam kawasan operasi PBT yang sama);
- h) Mengesahkan salinan geran tanah KIR/ AIR; dan
- i) Jika KIR/ AIR tidak memiliki geran tanah, PBT perlu memastikan kebenaran secara bertulis diperolehi daripada tuan tanah/ semua penama/ waris terlibat untuk membina rumah atas tapak tersebut (Borang PPKB 4b).

5.2 Permohonan yang **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan adalah:

- a) Tidak disahkan status kemiskinan dalam Sistem eKasih;
- b) Pembesaran dan pengubahsuaian bahagian dalam atau luar rumah sedia ada;
- c) KIR/ AIR mendiami rumah setinggan;
- d) KIR/ AIR mendiami rumah sewa;
- e) Rumah yang tidak diduduki/ ditinggalkan/ separuh siap/ kosong;
- f) KIR/ AIR telah menerima bantuan bina baru/ baik pulih rumah sama ada dari KPKT atau mana-mana Agensi Kerajaan lain kecuali yang terlibat dengan musibah; dan
- g) Permohonan yang tidak lengkap seperti tiada salinan minit penuh Mesyuarat *Focus Group* Negeri/ Daerah.

6.0 Kadar Bantuan

Kadar maksimum Program Bina Baharu Rumah di Bandar yang ditetapkan ialah sebanyak:

- a) Rumah Batu 3 bilik (660 kaki persegi) adalah **RM56,000.00** bagi Semenanjung Malaysia; dan
- b) Rumah Batu 3 bilik (660 kaki persegi) adalah **RM68,000.00** bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

8.0 Kaedah Pelaksanaan

- a) PBT hendaklah memastikan borang PPKB 4a dan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan adalah lengkap untuk pertimbangan KPKT;
- b) Permohonan kepada KPKT hendaklah dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*) untuk proses penyaluran bantuan;
- c) KPKT berhak menolak permohonan di luar skop atau tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap;
- d) PBT hendaklah memulakan proses perolehan dalam tempoh 30 hari selepas mendapat kelulusan KPKT;
- e) Tempoh maksimum **penyiapan rumah oleh kontraktor adalah 5 bulan hari daripada tarikh kelulusan KPKT;**
- f) Rumah yang dibina hendaklah mengambil kira keperluan penyambungan sistem utiliti sedia ada seperti kabel elektrik, komunikasi, laluan perparitan, paip air, laluan pembentungan dan lain-lain bagi mengelakkan peningkatan kos pembinaan rumah susulan laluan/ penyambungan utiliti yang tidak dirancang dengan baik. Contohnya saluran air/ longkang direkabentuk mengikut saiz yang mencukupi dan disambungkan ke saluran/ longkang lain;
- g) PBT hendaklah memastikan **kerja-kerja bina baharu rumah disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan** oleh KPKT; dan
- h) KPKT berhak untuk melawat ke rumah KIR/ AIR yang diluluskan bantuan ini sebelum, semasa atau selepas rumah dibina baharu.

9.0 Kaedah Penyaluran Peruntukan

- a) Secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* kepada semua PBT di seluruh Malaysia selepas KPKT menerima dokumen sokongan seperti berikut:
- Surat permohonan peruntukan daripada PBT;
 - Keputusan Jawatankuasa Perolehan/ secara undian kecuali perolehan secara lantikan terus;
 - Pesanan Kerja dan Inden Kerja;
 - Surat Setuju Terima;
 - *Bill of Quantity /* Senarai sebut harga kuantiti; dan
 - Penyata bank PBT yang disahkan; dan
- b) Perbelanjaan terhadap peruntukan yang disalurkan secara EFT kepada PBT adalah tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa; dan
- c) Tempoh peruntukan disalurkan kepada PBT adalah tertakluk kepada Bahagian Kewangan dan Perolehan KPKT mengambilkira semakan dokumen sokongan yang lengkap dan tepat.

10.0 Tanggungjawab PBT Selepas Menerima Surat Kelulusan Daripada KPKT

PBT adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk:

- a) Melaksanakan projek berdasarkan syarat-syarat kelulusan yang telah dinyatakan;

- b) Mengurus pelantikan kontraktor bagi melaksanakan projek mengikut peraturan/ tatacara kewangan semasa yang ditetapkan;
- c) Memastikan kontraktor melaksanakan projek mengikut jadual yang ditetapkan;
- d) Memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor **mengikut spesifikasi projek dan *Bill Of Quantity* (BQ)** yang telah kemukakan kepada KPKT; dan
- e) Menguruskan pembayaran kepada kontraktor mengikut peraturan/ tatacara kewangan semasa yang ditetapkan.

11.0 Pemantauan dan Pelaporan

PBT hendaklah:

- a) Memantau dan menilai pelaksanaan projek oleh kontraktor di tapak dan memastikan projek-projek siap mengikut jadual yang ditetapkan dan diserahkan kepada KIR/ AIR dengan seberapa segera;
- b) Mengambil gambar/ video rumah pada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan projek; dan
- c) PBT hendaklah mengemukakan laporan akhir pelaksanaan projek kepada KPKT melalui emel **baikpulihrumah@gmail.com** dalam tempoh masa **14 hari selepas projek siap**. Laporan akhir pelaksanaan projek hendaklah mengandungi perkara berikut:
 - Nama PBT
 - Nama KIR/ AIR, No. K/P dan Alamat
 - Nama Kontraktor

-
- Tarikh Mula dan Tarikh Siap
 - Kos Projek Beserta Spesifikasi Kerja/ *Bill Of Quantity* (BQ)
 - Gambar/ Video Rumah Sebelum, Semasa dan Selepas Pembaikan



TERIMA
KASIH